

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1992**

**TEMPOH PEMBAYARAN PREMIUM BAGI PEMBERIMILIKAN
TANAH DAN TUKAR SYARAT**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 11hb, Mac, 1992 telah memutuskan mengenai perkara di atas seperti berikut:

“ Tempoh Pembayaran Premium Bagi Pemberimilikan Tanah dan Tukar Syarat “

Yang terhormat Pegawai Kewangan Negeri telah menimbulkan perkara ini. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa tempoh pembayaran premium bagi pemberimilikan tanah dan tukar syarat adalah terhad kepada 2 tahun sahaja.

Oleh itu Majlis Mesyuarat Kerajaan mengingatkan kepada semua Pegawai Daerah bahawa bagi kelulusan pembayaran premium yang telah melebihi 2 tahun, maka kelulusan berkenaan dengan sendirinya terbatal dan dikehendaki membuat permohonan baru”

2. Oleh yang demikian, Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah diminta mengambil perhatian iaitu bagi maksud permohonan baru bagi tujuan pemberimilikan, pemohon adalah dikehendaki memenuhi semula Borang Jadual I dengan dikenakan bayaran dan peraturan memproses yang biasa.

3. Bagi permohonan tukar syarat, Borang Jadual XVII hendaklah dipenuhi semula oleh pemohon dengan dikenakan bayaran dan diproses semula untuk kelulusan YAB. Menteri Besar Selangor, iaitu bersesuaian dengan perwakilan kuasa yang dinyatakan oleh Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 3/87 yang antara lain berbunyi:

“Mewakikan kuasa kepada YAB. Dato’ Menteri Besar untuk menimbangkan serta meluluskan semula permohonan tukar syarat tanah di bawah seksyen 124 Kanun Tanah Negara yang tempoh kelulusannya telah luput.

Bagi permohonan tukar syarat tanah yang tempoh kelulusannya telah luput seperti yang dinyatakan, suatu kertas ringkasan perlu disediakan bagi pertimbangan YAB. Dato’ Menteri Besar Selangor yang dikemukakan melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor.”

4. Oleh yang demikian, semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki mematuhi peraturan tersebut di atas sepertimana yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tersebut.

Sekian.

T.T
(HAJI IDRIS BIN DENAN)
Pengarah Tanah dan Galian
Selangor Darul Ehsan.
Shah Alam.

Bertarikh: 23hb Mei, 1992
Bil. (77)dlm. PTG. Sel. 32 PT (Semt)

Edaran kepada:

Semua Pentadbir Tanah Daerah dan Timbalan Pendaftar
Hakmilik Negeri Selangor Darul Ehsan

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.3/2008***